

(Letter Head)

Menghadap

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang bersemayam di Istana Negara, Kuala Lumpur dengan beberapa kemuliaan dan kesejahteraannya.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ampun Tuanku,

Adapun warkah al-ikhlas ini dipersembahkan dengan penuh hormat dan takzimnya serta iringan doa kehadiran Allah Subhanahu Wataala mudah-mudahan KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj serta seluruh kerabat Duli Tuanku berada dalam selamat dan sejahteranya.

KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku,

Dengan penuh hormat dan takzimnya, adalah patik (**nama**) dari (**kementerian/jabatan/agensi/ngo**) . Patik mohon sembah maklum bahawa patik telah menerima kurniaan cenderahati dari KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku. Patik menjunjung setinggi-tinggi kasih ke atas kurniaan termaksud.

@

Dengan penuh hormat dan takzimnya, adalah patik (**nama**) dari (**kementerian/jabatan/agensi/ngo**). Patik mohon sembah maklum bahawa patik menjunjung setinggi-tinggi kasih ke atas keberangkatan Tuanku ke Majlis (**nama majlis**).

Ampun Tuanku,

Demikianlah warkah yang tidak seperti ini yang teriring dengan maksud dan tujuannya serta iringan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala mudah-mudahan KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku berdua, Putera-putera, Puteri-puteri dan seluruh kerabat sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah S.W.T. , dilanjutkan usia zaman dan sentiasa berada dalam sihat walafiat selama-lamanya.

Ampun Tuanku.

Patik dengan segala hormat dan takzimnya.

(Nama)

Tarikh:2020M
.....1441H

Nota 1:

Font : Franklin Gothic Book

Size : 14

Spacing : 1.15

Jenis kertas : Conqueror (warna: beige)

Nota 2:

Surat kepada YBhg. Datuk SUSK kepada KDYMM SPB YDA XVI dan dikepilkan bersama warkah persilaan tersebut. Di dalam surat kepada YBhg. Datuk SUSK sila nyatakan nama dan nombor perhubungan bagi memudahkan urusan maklum balas ke atas perkara tersebut.

YBhg. Kolonel Datuk Nazim bin Mohd Alim (Bersara)
Setiausaha Sulit Kanan kepada
KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI
Istana Negara
Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-6200 1024
Faks: 03-6205 2277
Email:nazim@istananegara.gov.my

Pembantu khas kepada SUSK –
Puan Siti Norhazarina binti Ali
Email: norhazarina@istananegara.gov.my

(Letter Head)

12 Februari 2020M
18 Jamadilakhir 1441H

YBhg. Kolonel Datuk Nazim bin Mohd Alim (Bersara)
Setiausaha Sulit Kanan kepada
KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI
Istana Negara
Jalan Tuanku Abdul Halim
50480, KUALA LUMPUR
☎ 03-6200 1024
📠 03-6205 2277

YBhg. Datuk,

**WARKAH MENJUNJUNG KASIH KEPADA KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG XVI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk, saya (**nama**) dari (**agensi/jabatan/ngo**) ingin menjunjung kasih kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI.
3. Bersama-sama ini disertakan warkah kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku yang jelas menerangkan maksud tersebut.
4. Kerjasama pihak YBhg. Datuk menyebarkan perkara ini kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku saya dahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian, salam hormat.

(NAMA)

Jawatan

☎ 03-0000 0000

📠 03-0000 0000

✉ 1234@gmail.com

Contoh Warkah Menjunjung Kasih SPB YDA